

**27 FEBRUARI - 1 MAC 2023**

## **KURSUS PENGURUSAN PEROLEHAN KERAJAAN**

Seksyen Kewangan, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan INSTUN telah menganjurkan Kursus Pengurusan Perolehan Kerajaan bertempat di Hotel The Pearl, Kuala Lumpur melibatkan kehadiran 44 orang pegawai INSTUN.

Kursus yang diadakan secara teori dan praktikal ini telah dirasmikan oleh Tuan Khairin Nazry bin Karim, Pengarah INSTUN. Seterusnya, sesi ceramah telah disampaikan oleh Encik Zulanisham bin Husin, Pegawai Akauntan dari Institut Perakaunan Negara, Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Puan Nurul'Aininnabilah binti Ab Hamid dari Commerce Dot Com.

Objektif kursus ini adalah bagi meningkatkan pengetahuan dan kefahaman pegawai berkenaan pelaksanaan perolehan secara pembelian terus, sebut harga, tender dan perolehan di bawah Pekeliling Perbendaharaan PK7 – Pengecualian Daripada Tatacara Perolehan Kerajaan serta menerangkan peranan dan tanggungjawab pegawai dan kakitangan yang terlibat dalam proses perolehan Kerajaan. Di samping itu, kursus ini juga bertujuan menjelaskan proses kerja berkaitan pelaksanaan perolehan bekalan dan perkhidmatan menggunakan sistem ePerolehan serta meningkatkan pengetahuan dan kefahaman pegawai berkenaan pengurusan dan pentadbiran kontrak.

Pendedahan intensif selama 3 hari ini diharapkan dapat meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pelaksanaan tugas pegawai-pegawai INSTUN yang telah diamanahkan dengan tanggungjawab bagi memastikan pengurusan wang awam dilaksanakan secara cekap dan berkesan.









